

HUBUNGAN MOTIVASI GURU DENGAN PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN DI SJK (T) DAERAH KUALA MUDA YAN

Talirkodi A/P Vinathan

talir_suria@yahoo.com

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap motivasi guru-guru SJK (T) di daerah Kuala Muda Yan (KMY) dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan untuk mengukur hubungan antara tahap motivasi guru dengan masalah penggunaan ICT. Analisis koleksi literatur yang dibaca oleh pengkaji menunjukkan kebanyakan kajian ICT telah dibuat dari aspek sikap, kemahiran dan kepercayaan guru. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menitikberatkan aspek motivasi sebagai faktor kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik. Responden adalah seramai 150 orang guru dari 5 buah sekolah di Daerah Kuala Muda Yan, Kedah. Bagi menganalisis data perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) telah digunakan. Kaedah seperti statistik deskriptif untuk melihat ciri-ciri demografi responden dan korelasi telah digunakan untuk melihat hubungan antara tahap motivasi guru dan penggunaan ICT. Untuk mengkaji tahap motivasi dan pencapaian ICT taburan min dan sisihan piawai secara keseluruhan telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi guru adalah tinggi tetapi tahap penggunaan ICT pula rendah disebabkan oleh beberapa masalah seperti kekurangan kemahiran ICT guru, jaringan internet yang lambat, kemudahan ICT dan sokongan teknikal pihak sekolah yang rendah dan kekurangan masa. Berdasarkan hasil kajian lagi didapati tahap motivasi guru adalah berhubungan negatif dengan masalah penggunaan ICT. Jadi, sokongan pihak sekolah, KPM dan guru itu sendiri amat dititikberatkan untuk mengintegrasikan ICT sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KATA KUNCI: Motivasi, Penggunaan ICT, Pendekatan Pengajaran dan pengajaran.

PENGENALAN

Motivasi dianggap suatu kuasa dorongan yang membantu setiap individu menjayakan tugas, kerjaya dan aspirasi hidup (Agnes Chigona, 2014). Dalam sistem persekolahan, motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran oleh guru. Para guru perlu bermotivasi untuk menggunakan ICT dalam bilik darjah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Agnes Chigona, 2014). Motivasi guru adalah sangat penting kerana ia meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru dan secara langsung mempengaruhi pencapaian prestasi murid-murid di dalam bilik darjah (Mustafa *et. al.*, 2010). Ini disokong oleh pendapat Cave dan Mulloy (2010) yang mengatakan guru yang bermotivasi tinggi adalah lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam melaksanakan program yang berinovatif untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid-murid.

Gagne (2005) pula menyatakan bahawa kurikulum yang direka dalam bidang pendidikan tidak akan berjaya jika guru tidak mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakannya. Kini peranan guru bukan sahaja setakat menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara '*chalk and talk*' sahaja, malahan berterusan dalam pelbagai aspek lain dengan penggunaan komputer dan internet. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang menggunakan papan hitam dan kapur, bertukar kepada kaedah yang lebih canggih iaitu penggunaan komputer, bahan elektronik, '*liquid crystal display*' (LCD), kamera video digital dan lain-lain dalam bilik darjah (Zanzali *et. al.*, 2010).

Bester & Brand, (2013) menyatakan profesion pengajaran kini mendapat pelbagai peluang yang baru melalui penggunaan ICT kerana ICT membangunkan kemahiran kognitif para murid untuk berfikir secara kritikal. Penyelidikan antarabangsa juga menunjukkan bahawa penggunaan ICT merupakan cara yang berkesan bagi membangunkan kemahiran aras tinggi para murid (UNESCO, 2011). Oleh itu, para pendidik digesa supaya melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan, teknik dan kemahiran yang berteraskan teknologi maklumat bagi menghadapi dunia perguruan yang serba mencabar ini (Abd Aziz & Siti Fauziah, 2007).

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Globalisasi telah menyebabkan wujudnya konsep dunia tanpa sempadan, konsep liberalisasi maklumat, konsep pembelajaran global dan konsep perubahan tingkah laku (Nesbit & Adesope, 2006). Selain itu, Zaphiris (2005) menyatakan pembelajaran berbantuan komputer (PBBK) semakin popular dan menarik minat sektor pendidikan. Sesungguhnya cabaran paling besar ialah memastikan semua guru menggunakan teknologi dalam pengajaran harian mereka (Lee & Winzenreid, 2009).

ICT telah membawa anjakan perubahan sistem pendidikan di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Misalnya, di Malaysia bermula pada tahun 1997, penggunaan ICT secara beransur-ansur diselitkan dalam bidang pendidikan untuk mengurus dan menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pengisian data secara elektronik dibuat oleh guru data di peringkat sekolah melalui aplikasi yang dibangunkan khas oleh pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (NurhafizahYaacob, 2009). Semua data berkenaan kurikulum, ko-kurikulum dan hal ehwal murid serta guru diproses dan disimpan melalui online. Misalnya, laman web Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) untuk pengisian markah murid, e-Operasi sebagai sistem maklumat guru, EMiS (Educational Management Information System) untuk menyimpan maklumat pengurusan pendidikan, e-PANGKAT untuk urusan kenaikan pangkat guru dan banyak lagi laman rasmi kementerian pendidikan sedang digunakan demi memudahkan urusan pendidikan dan untuk bersaing dalam arus pembangunan pembelajaran global.

Dalam zaman ledakan "Dunia Bermaklumat" (*Information Age*) ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan komputer di sekolah-sekolah seluruh negara bagi menerapkan pembelajaran berkonsepkan "Sekolah Bestari", iaitu pengajaran dan pembelajaran berteraskan ICT. Cabaran baharu dunia pendidikan dalam era teknologi maklumat (ICT) mengharapkan motivasi guru-guru dalam menggunakan teknologi semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran (Chung *et. al.*, 2011). Kajian Nico, Ruttena dan Wouter (2012) pula menunjukkan bahawa penggunaan ICT oleh para guru tidak akan berjaya jika guru tidak mempunyai kemahiran dalam bidang ICT.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian-kajian yang telah dijalankan dalam penggunaan teknologi komputer di kalangan guru-guru berfokus kepada sikap, kemahiran dan kepercayaan guru dan mendapati bahawa kajian motivasi terhadap penggunaan ICT adalah kurang. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap motivasi guru-guru SJK (T) di KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah memandang serius terhadap isu ini kerana motivasi guru dalam penggunaan ICT bukan sahaja memantapkan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah malahan ia akan membangunkan bidang perguruan secara keseluruhan.

Namun kini, masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru adalah kekurangan motivasi dalam penggunaan teknologi. Ini kerana kemahiran serta pengetahuan guru tentang penggunaan internet kurang dan mereka juga menghadapi kesulitan dalam mencari dan mengenal pasti maklumat tertentu. Hal ini menghambat

mereka untuk menerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran (Yunus & Wekke, 2009). Menurut Rye (2009), guru-guru juga mengambil masa yang lama untuk mencari maklumat dengan menggunakan internet dan ada guru-guru yang masih tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam melayari internet. Mereka juga rasa takut dan malu kerana kelemahan mereka akan diketahui oleh pelajar. Sesetengah orang guru pula mendakwa bahawa kehadiran teknologi dalam bilik darjah menyebabkan tekanan kepada diri mereka dan memerlukan tahap penggunaan ICT yang cekap dan berkesan (Sang *et. al.*, 2011).

Di samping itu, halangan-halangan seperti kebolehcapaian terhadap peralatan, kekangan masa, kekurangan mentor dan peluang untuk berkongsi penerapan sesama rakan sejawat juga memberi kesan kepada motivasi guru untuk menggunakan ICT (Slaouti & Barton, 2007). Tambahan pula beban tugas guru dan pengurusan masa telah menjadi penghalang pelaksanaan PdP berbantuan komputer di bilik darjah (Guha, 2000).

Oleh yang sedemikian, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap motivasi guru-guru SJK (T) di daerah KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran. Dengan kajian ini juga masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru dalam penggunaan ICT akan dapat dikenalpasti. Ini untuk meningkatkan motivasi para guru dalam penggunaan ICT pada masa akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji :

1. Untuk mengenalpasti tahap motivasi guru-guru SJK (T), di daerah KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengukur hubungan antara tahap motivasi guru dengan masalah penggunaan ICT.
3. Untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru SJK (T) di daerah KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran.


PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk melihat jawapan kepada beberapa soalan. Berikut merupakan persoalan-persoalan tersebut:

1. Apakah tahap motivasi motivasi guru-guru SJK (T) di daerah KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran?
2. Apakah hubungan antara tahap motivasi guru dengan masalah penggunaan ICT?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru SJK (T) di daerah KMY dalam penggunaan ICT demi memantapkan pengajaran dan pembelajaran?

KERANGKA KAJIAN

Pengkaji juga telah menyatakan teori-teori motivasi dan model-model ICT yang telah digunakan untuk menyokong kajian ini.



7.0 METODOLOGI KAJIAN

7.1 Persampelan

150 orang guru dari 5 buah sekolah SJKT di daerah KMY telah dipilih untuk kajian ini. Nama sekolah-sekolah di KMY telah dicatat mengikut urutan dan lima buah sekolah yang berada dalam nombor ganjil pertama telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Jumlah sampel ini dipilih berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan, 1970. Sekolah-sekolah yang dipilih tersebut adalah sekolah SJK(T) Saraswathy, SJK(T) Kalaimagal, SJK(T) Mahajothi, SJK(T) Ladang Perbadanan dan SJK(T) Bedong. Setiap sekolah masing-masing telah menerima sebanyak 30 helai soal selidik untuk dijawab.

7.2 Instrumen kajian

Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada kajian Ying-Ying Kuo (2003) yang mempunyai *Cronbach Alpha* bagi itemnya sebanyak 0.812. Soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bagi mengukur tahap motivasi dan masalah penggunaan ICT oleh guru, skala Likert lima mata digunakan. Kebolehpercayaan soal selidik kajian ini telah diperoleh berdasarkan satu kajian rintis yang diadakan dari dua buah Sekolah Tamil dari daerah Kuala Muda Yan (KMY). Hasil kajian rintis didapati tahap kebolehpercayaan instrumen bagi motivasi guru dalam penggunaan ICT telah menunjukkan nilai alpha yang tinggi iaitu 0.822.

8.0 ANALISIS DAPATAN

Tahap kebolehpercayaan instrumen bagi motivasi guru dan penggunaan ICT telah menunjukkan nilai yang tinggi. Nilai tersebut ditunjukkan dalam Jadual 8.1.

Jadual 8.1 Nilai Kebolehpercayaan (Alpha) Soal Selidik

Bahagian	Nilai Kebolehpercayaan (Alpha)
Bahagian B (Motivasi)	0.76
Bahagian C (Penggunaan ICT)	0.90

Berdasarkan Jadual 8.2 didapati responden kajian adalah lebih ramai guru wanita berbanding lelaki, di mana bilangan responden perempuan ialah 110 orang (73.33%) dan bilangan responden lelaki hanya 40 orang (26.7%).

Jadual 8.2 Taburan Jantina Responden

Jantina	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Lelaki	40	26.7
Perempuan	110	73.3
Jumlah	150	100.0

Taburan kekerapan bagi pengalaman mengajar pula menunjukkan bilangan responden yang terbanyak adalah dalam kalangan guru yang mempunyai pengalaman lebih dari 14 tahun. Jadual 8.3 menunjukkan taburan kekerapan pengalaman mengajar guru.

Jadual 8.3 Kekerapan Pengalaman Mengajar Guru

Pengalaman Mengajar	Kekerapan (n)	Peratus (%)
1-4 tahun	13	8.7
5-9 tahun	8	5.3
10-14 tahun	60	40.0
Lebih daripada 14 Tahun	69	46.0
Jumlah	150	100.0

Jadual 8.4 menunjukkan taburan kekerapan pengalaman menggunakan komputer oleh guru. Responden dari kategori pengalaman lebih dari 8 tahun mencatat jumlah yang tinggi iaitu 85 orang (56.7%).

Jadual 8.4 Kekerapan Pengalaman Menggunakan Komputer

Pengalaman Menggunakan Komputer	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Kurang dari 2 tahun	8	5.3
3-5 tahun	17	11.3
6-8 tahun	40	26.7
Lebih daripada 8 tahun	85	56.7
Jumlah	150	100.0

Jadual 8.5 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi jantina, pengalaman mengajar dan pengalaman menggunakan komputer para guru. Min jantina adalah 1.73. Min pengalaman mengajar adalah 3.23. Ini bermakna kebanyakan responden adalah mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan 10 hingga 14 tahun. Manakala min pengalaman menggunakan komputer pula 4.32. Ini bererti kebanyakan responden mempunyai pengalaman menggunakan komputer dalam lingkungan 6 hingga 8 tahun.

Jadual 8.5 Min dan Sisihan Piawai Bagi Jantina, Pengalaman Mengajar dan Pengalaman Menggunakan Komputer

	Jantina	Pengalaman Mengajar	Pengalaman Menggunakan Komputer
Min	1.73	3.23	4.34
Sisihan Piawai	0.44	0.90	0.88

8.1 Tahap Motivasi Guru-Guru SJK (T) KMY Dalam Penggunaan ICT Demi Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)

Jadual 8.6 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai tahap motivasi secara keseluruhan. Min dan sisihan piawai bagi motivasi adalah masing-masing 4.02 dan 0.735. Dapatan min keseluruhan menunjukkan kebanyakan responden berada dalam aras persetujuan dalam soal selidik.

Jadual 8.6 Min dan Sisihan Piawai Motivasi

	N	Min	Sisihan piawai
Min	150	4.02	.735
Valid N (listwise)	150		

Jadual 8.7 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi 10 item motivasi. Berdasarkan dapatan tersebut didapati kebanyakan item motivasi berada dalam min 4 iaitu dalam aras setuju. Item yang mendapat min tertinggi adalah yang menyatakan ICT dapat membangunkan bidang professional saya iaitu mendapat min sebanyak 4.14 (.751). Manakala min terendah pula untuk item yang menyatakan saya lebih kerap menggunakan ICT apabila menjalankan PdP. Minnya adalah sebanyak 3.58 (.877) yang bermaksud semua guru berada dalam aras sederhana. Ini menunjukkan mereka kurang menggunakan ICT apabila menjalankan PdP.

Jadual 8.7 Min dan Sisihan Piawai bagi Item-item Tahap Motivasi

Bil	Item-Item Motivasi	Min	Sisihan Piawai
1	Saya lebih kerap menggunakan ICT apabila menjalankan PdP	3.58	.877
2	Saya merasa seronok dan lebih berminat untuk menggunakan ICT dalam PdP	4.01	.807
3	Saya berasa yakin menggunakan ICT dalam PdP	3.93	.774
4	Bagi saya alat komputer adalah mudah untuk digunakan	4.33	.761
5	Penggunaan ICT dalam PdP memberikan motivasi pada saya untuk mengikuti setiap sesi pengajaran	3.95	.805

6	Penggunaan ICT berguna untuk membangunkan bidang profesional saya	4.14	.751	8.2 Tahap Penggunaan
7	ICT menyebabkan hasil kerja saya lebih cekap dan kreatif	4.10	.792	
8	Saya berpuas hati apabila menggunakan ICT dalam PdP	4.03	.835	
9	ICT menyenangkan saya dalam menyelesaikan aktiviti PdP	4.00	.827	
10	Saya akan terus menggunakan ICT dalam PdP pada masa akan datang	4.10	.792	

ICT oleh Guru-Guru SJK (T) KMY Demi Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)

Jadual 8.8 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai tahap penggunaan ICT secara keseluruhan. Min dan sisihan piawai bagi penggunaan ICT adalah masing-masing 2.40 dan 0.853. Dapatan min keseluruhan menunjukkan kebanyakan responden berada dalam aras 2 iaitu tidak setuju dalam soal selidik.

Jadual 8.8 Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan ICT

	N	Min	Sisihan piawai
Min	150	2.40	.853
Valid N (listwise)	150		

Jadual 8.9 menunjukkan min, sisihan piawai bagi item-item penggunaan ICT. Sembilan daripada sepuluh item penggunaan ICT berada dalam lingkungan min 2. Min tertinggi iaitu 3.26 (1.308) telah mendapat bagi item yang menyatakan kelajuan internet di sekolah saya lambat.

Jadual 8.9 Min dan Sisihan Piawai bagi Item-item Tahap Penggunaan ICT

Bil	Item-Item Penggunaan ICT	Min	Sisihan Piawai
1	Saya tidak mempunyai kemahiran ICT yang mencukupi	2.37	1.144
2	Bagi saya alat komputer adalah tidak mudah untuk digunakan	2.07	1.075
3	Saya tidak mempunyai kemudahan komputer/ komputer riba di sekolah saya	2.09	1.244
4	Saya tidak mendapat sokongan teknikal yang mencukupi untuk menggunakan komputer/ komputer riba di sekolah saya	2.29	1.167
5	Kelajuan internet di sekolah saya adalah lambat	3.26	1.308
6	Beban kerja yang tinggi menyebabkan saya tidak dapat menggunakan ICT dalam PdP	2.86	1.204
7	Penggunaan internet melambatkan kerja saya	2.39	1.123
8	Saya berasa bimbang apabila menggunakan ICT dalam PdP	2.29	1.144
9	Saya berasa tertekan dan cemas apabila menggunakan ICT dalam PdP	2.20	1.170
10	ICT menjadikan pengurusan bilik darjah lebih sukar	2.17	1.169

8.3 Hubungan antara Tahap Motivasi Guru dengan Masalah Penggunaan ICT

Jadual 8.10 menunjukkan Ujian Korelasi antara tahap motivasi dan masalah penggunaan ICT oleh guru SJK(T) daerah KMY. Hubungan tahap motivasi guru adalah negatif dan didapati signifikan ($r=-.276, p<.05$) dengan

masalah penggunaan ICT. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap motivasi guru, semakin rendah masalah penggunaan ICT dan sebaliknya semakin rendah tahap motivasi guru maka semakin tinggi masalah penggunaan ICT.

Jadual 4.10 Hubungan antara Min motivasi dan Min Penggunaan ICT

		Min Motivasi	Min Guna ICT
Min Motivasi	Pearson Correlation	1	-.276**
	Sig.(2-Tailed)		.001
	N	150	150
Min Guna ICT	Pearson Correlation	-.276**	1
	Sig.(2-Tailed)	.001	
	N	150	150

**Correlation Is Significant At The 0.05 Level (2-Tailed).

8.4 Masalah-masalah yang Dihadapi oleh Guru-Guru SJK (T) di Daerah KMY dalam Penggunaan ICT demi Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)

Salah satu masalah yang dinyatakan oleh guru-guru adalah kekurangan bilangan komputer di sekolah. Menurut mereka bilangan komputer yang telah disediakan oleh pihak sekolah tidak mencukupi untuk semua murid. Jadi, perkara ini menghalang guru yang ingin menggunakan kemudahan komputer sebagai bahan pengaplikasian ICT di dalam pembelajaran.

Selain itu, ada guru yang menyatakan kekurangan panduan dalam bidang ICT merumitkan mereka untuk menggunakan ICT dalam PdP. Kekurangan panduan terhadap alatan canggih atau berteknologi tinggi juga menjadi beban dan masalah kepada guru-guru yang kurang berkemahiran dalam penggunaan ICT.

Tambahan lagi faktor kurikulum yang samar juga menjadi halangan kepada mereka. Ini kerana, kurikulum pada masa kini tidak mengaplikasikan secara keseluruhan kaedah ICT dalam pelajaran. Jadi, ini menimbulkan halangan kepada guru yang ingin menggunakan ICT dalam proses PdP mereka. Guru-guru juga mengatakan pihak sekolah mengambil sikap lepas tangan dan kurang memberi sokongan kepada para guru dalam penggunaan ICT juga mematikan semangat guru.

9.0 PERBINCANGAN

Dapatan hasil kajian menunjukkan tahap motivasi guru dengan masalah penggunaan ICT adalah berhubung negatif yang sederhana. Ini bermaksud apabila masalah-masalah ICT meningkat maka tahap motivasi guru dalam penggunaan ICT akan menurun dan sebaliknya.

Berdasarkan dapatan tahap motivasi guru didapati kesemua responden yang menjawab soal selidik rata-ratanya bersetuju dan bermotivasi untuk mengguna ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan 7 daripada 10 item yang berada dalam aras 4 iaitu setuju. Ini menunjukkan guru-guru lebih bermotivasi dan berminat untuk menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, ICT memudahkan kerja mereka, meyakinkan, membuatkan hasil kerja cekap dan kreatif. Ini disokong dengan hasil dapatan Che Rogayah (2005) yang menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran akan

menjadi lebih jelas dan mudah difahami, terutama sekali bila elemen multimedia diselitkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan lebih bermakna. Integrasi ICT dalam PdP dilihat sebagai menjimatkan masa, dapat menjadikan suasana pembelajaran itu lebih menarik, menyeronokkan dan tidak membosankan (Chua, 2006) .

Walaupun guru-guru lebih bermotivasi dalam menggunakan ICT tetapi dari segi penggunaan pula didapati tidak memuaskan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor luaran yang dihadapi di sekolah dan faktor diri sendiri yang telah menjadi penghalang kepada mereka. Dapatan menunjukkan para guru menghadapi masalah-masalah seperti kekurangan masa, kekurangan kemudahan ICT serta sokongan teknikal di sekolah, ketidakcukupan kemahiran ICT dan kelambatan internet. Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan didapati tahap pengintegrasian ICT berada pada tahap yang sederhana (Jalalludin Ibrahim, 2008; Sazliza Mat Isa, 2008). Hal ini turut dapat dibuktikan melalui pernyataan dalam Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia Bilangan 2, Nombor 1, Mac 2012, iaitu melalui bacaan yang direkodkan oleh setiap projektor LCD, purata setiap projektor LCD ini beroperasi hanyalah selama 29 jam dalam jangka masa dua tahun yang boleh dikatakan sangat rendah.

Selain itu, hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa guru-guru menghadapi masalah kekurangan masa akibat daripada beban kerja yang tinggi. Menurut mereka masa tambahan iaitu luar dari masa kerja diperlukan untuk menyediakan persiapan bagi mengintegrasikan teknologi dalam PdP. Keadaan ini disokong oleh kajian Lynne Schrum, *et al*, (2005) yang menyatakan dalam kajiannya 73% responden dianggarkan bekerja sekurang-kurangnya satu jam tambahan setiap hari hanya untuk mengintegrasikan teknologi ke dalam pengajaran mereka. Ramai guru mengorbankan masa peribadi di rumah mereka semata-mata untuk menggunakan teknologi di dalam kelas (Cheah Chee Kheong *et. al*, 2010).

Disamping itu, masalah tidak kecukupan kemudahan komputer dan sokongan teknikal di sekolah menjadi penghalang kepada para guru dalam menjalankan PdP dengan aplikasian ICT. Ini disokong dengan dapatan Cheah Chee Kheong *et al*, (2010) yang mengatakan kemudahan yang tidak mencukupi menghalang para guru untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Tidak semua sekolah dapat dilengkapi dengan kemudahan seperti projektor LCD dan juga makmal-makmal komputer untuk kegunaan warga sekolah (Rosnaini Mahmud & Mohd Arif Ismail, 2008; Fariza Khalid, 2007; Azwan Ahmad *et al*, 2005). Menurut Mohd Izham & Norazah (2007), mereka berpendapat bahawa segala perubahan sekolah terutamanya tentang pelaksanaan ICT di sekolah perlu bermula daripada keprihatinan dan tindakan pentadbir sekolah itu sendiri.

Seterusnya, dapatan kajian ini mengatakan kemahiran ICT yang diperolehi oleh para guru adalah rendah. Oleh itu, para guru tidak dapat menggunakan ICT dalam PdP mereka. Ini juga disebabkan oleh KPM yang menjalankan kursus-kursus dan latihan ICT yang terhad dan tiada kepelbagaian aras berdasarkan kebolehan guru-guru. Berdasarkan kajian Norizan Abdul Razak, (2007) didapati guru-guru menghadapi masalah untuk menggunakan komputer dalam pengajaran disebabkan oleh mereka tidak cekap mengaplikasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Didapati majoriti guru masih dalam belengu ketakutan untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Faktor terakhir yang menjadi penghalang kepada guru untuk menggunakan ICT adalah disebabkan oleh jaringan internet yang lambat. Faktor ini telah menghalang usaha para guru untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran digital dan maklumat yang bersesuaian bagi PdP. Oleh yang sedemikian, guru-guru terpaksa bergantung kepada buku panduan dan bahan pengajaran yang sedia ada di sekolah untuk menjalankan PdP.

5.5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, tahap motivasi guru dengan masalah-masalah ICT berhubungan negatif. Ini bermaksud, tahap motivasi guru dalam penggunaan ICT akan meningkat apabila masalah-masalah ICT dapat dikurangkan dan sebaliknya. Dapatan kajian ini juga memberikan isyarat yang jelas bahawa guru-guru SJKT sudah pun bersedia untuk melaksanakan cita-cita dan aspirasi KPM dalam penggunaan ICT. Masalahnya, faktor-faktor

luaran seperti kemudahan prasarana, teknikal, sokongan pihak atasan serta budaya sekolah yang menjadi penghalang kepada mereka untuk mengaplikasikan ICT dalam PdP.

Justeru, pihak sekolah harus memperbaiki dan meningkatkan infrastruktur ICT, bagi meningkatkan kelajuan jaringan internet serta memberikan sokongan yang penuh kepada para guru untuk meningkatkan motivasi mereka dalam penggunaan ICT demi memantapkan PdP. Manakala Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pula perlu memberikan latihan dan kursus-kursus seperti *word processing, database, powerpoint* dan *spreadsheet* kepada guru semasa dalam perkhidmatan untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran dan rutin kerja guru.

Semua usaha ini adalah untuk menyokong ke arah pembelajaran yang berkesan kepada murid-murid kita. Jika guru bermotivasi tinggi untuk menggunakan kemudahan ICT sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah maka perubahan paradigma pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah pasti akan berlaku.

RUJUKAN

- Abd Aziz & Siti Fauziah (2007) *Tahap penggunaan teknologi maklumat sebagai pemudah komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kalangan pensyarah politeknik*. (Master's thesis). Universiti Tun Hussein Onn, Johor.
- Agnes Chigona. (2014). Educators' Motivation On Integration Of Its Into Pedagogy: Case Of Disadvantaged Areas. *South African Journal of Education*, Volume 34, Number 3.
- Bester G & Brand L. (2013). The effect of technology on learner attention and achievement in the classroom. *South African Journal of Education*, 33(2), 115.
- Cave, A., & Mulloy, M. (2010). How do cognitive and motivational factors influence teachers' degree of program implementation?: A qualitative examination of teacher perspectives. *National Forum of Educational Administration and Supervision Journal*, 27(4). Retrieved from <http://www.nationalforum.com>
- Che Rogayah Seman. (2005). Kesan Visual Dinamik Terhadap Pencapaian Pelajar Yang Berbeza Tahap Kebimbangan Matematik Dalam Pembelajaran Trigonometri. (Tesis Sarjana Pendidikan, tidak diterbitkan). USM, Pulau Pinang.
- Cheah Chee Keong, et. al. (2010). *Amalan Penggunaan TMK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sebuah Sekolah Orang Asli Di Hulu Perak, Grik: Satu Kajian Kes*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill, Malaysia.
- Chung, Hui Ching, Melvina and Jamaludin Badusah. (2010). Sikap guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (1). pp. 59-65. ISSN 0126-6020 / 2180-0782 Diambil Dari <http://journalarticle.ukm.my/143/>
- Gagne. (2005). Self-determination theory and work motivation. *Journal of Organizational Behavior*, 26, 331-62.
- Guha, S. (2000). Are we all technically prepared? Teachers' perspectives on the causes of comfort or discomfort in using computers at elementary grade teaching. *Annual Meeting of the National Association for the Education of Young Children Atlanta, GA, November 8-11, 2000*.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Norazah Mohd. Nordin. (2007). Peranan Pentadbir Dalam Proses Perubahan Terancang: Integrasi ICT Dan Pedagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Journal Quality Monitoring of Strategic Leadership Styles*. Jil. 17 Bil. 2. Pahang: Institut Aminuddin Baki.
- Mustafa, et al. (2010). "Ranking efficient decision-making units in data envelopment analysis using fuzzy concept." *Computers and Industrial Engineering* 59(4): 712-719. Retrieved from <http://www.deazone.com/>

- Nesbit, J. C., & Adesope, O. O. (2006). Learning with concept and knowledge maps: A meta-analysis. *Review of Educational Research*, 76, 413-448.
- Norizan Abdul Razak. (2004). *Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary schools*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Rosnaini Mahmud & Mohd Arif b. Hj. Ismail. (2008). *Factors influencing ICT integration in the classroom: Implication to teacher education*. EABR & TLC Conference Proceeding. Austria.
- Sang, G., Valcke, M., van Braak, J., Tondeur, J., & Zhu, C. (2011). Predicting ICT integration into classroom teaching in Chinese primary schools: exploring the complex interplay of teacher-related variables. *Journal of Computer Assisted Learning*, 27(2), 160-172.
- Slaouti, D., Barton, A. (2007). Opportunities for practice and development: Newly qualified teachers and the use of information and communication technologies in teaching foreign languages in English secondary school contexts. *Journal of In-service Education*, 33(4), 19.
- UNESCO. (2011). *UNESCO ICT competency framework for teachers*. Retrieved from UNESCO website: <http://unesdoc.unesco.org/images/0021/002134/213475e.pdf>
- Zanzali et. al. (2010). *Penggunaan Ict Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Di Kalangan Guru-Guru Pelatih UTM*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Zaphiris, P. & Zacharia, G. (2005). *User-Centered Computer Aided Language Learning*. Calgary: Idea Group Inc.

